

# Arab Saudi akui lawatan PM bawa kejayaan besar

**Kuala Lumpur:** Kunjungan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin ke Arab Saudi, membuka lebih ruang memperluas hubungan dua hala dalam pelbagai bidang, terutama perdagangan dan ekonomi antara kedua-dua negara.

Menteri Pelaburan Arab Saudi, Khalid al-Falih, berkata banyak pencapaian dicapai setakat ini menyaksikan Arab Saudi menjalani daripada rakan dagang utama dan 20 negara dari Asia Barat dengan pelaburan besar di Malaysia.

Katanya, kerajaan negara itu mempunyai dua projek pelaburan dibangunkan di Johor bernilai RM69.76 bilion dan 44 projek lain bernilai lebih RM1.131 bilion, ma-

nakala Malaysia pula sudah melabur dalam 38 projek di Arab Saudi dengan nilai keseluruhan RM1.73 bilion.

"Visi Arab Saudi 2030 memberikan peluang pelaburan luar biasa bagi pelabur dan syarikat terkenal di dunia," katanya dalam satu kenyataan dikeluarkan Kedutaan Arab Saudi di sini, semalam.

Lawatan' Perdana Menteri dilihat membawa kejayaan besar dengan termeterainya tiga perjanjian; pertama penubuhan Majlis Penyelarasaran Arab Saudi-Malaysia, kedua adalah berkaitan kedatangan jemaah dan ketiga, memorandum persefahaman (MoU) berhubung hal ehwal Islam.

Kerajaan Arab Saudi juga ber-

setuju memberikan tambahan 10,000 kuota haji untuk jemaah Malaysia.

Dalam kenyataan sama, Menteri Perdagangan Arab Saudi, Dr Majid Abdullah Al Qasabi, berkata pertukaran perdagangan antara kedua-dua negara berjumlah 67 billion riyal selama lima tahun lalu dan Arab Saudi berada di kedudukan ke-13 antara negara pengeksport ke Malaysia.

"Sektor swasta berperanan penting dalam memacu kedua-dua negara mencapai kemajuan pertumbuhan dan pembangunan dalam hubungan ekonomi," katanya.

Selain kerjasama ekonomi,

Menyeri Hal Ehwal Islam, Dakwah dan Bimbingan, Sheikh Dr Abdullatif Abdulaziz Al-Sheikh,

berkata kedua-dua negara disatukan dengan ikatan kepercayaan, kepentingan bersama serta hubungan persaudaraan.

Katanya, Malaysia adalah negara pertama melaksanakan *Makkah Road Initiative* yang bertujuan memudahkan jemaah haji dan umrah.

"Kementerian akan terus memperluas hubungan dengan Malaysia dalam semua bidang untuk melaksanakan dakwah Islamiah, memelihara masjid dan meningkatkan prestasi imam serta pendakwah sesuai dengan visi kepemimpinan kedua-dua negara," katanya.

Sementara itu, Menteri Pendidikannya, Dr Hamad Mohammed Al Sheikh, berkata lawatan Per-

dana Menteri membuka lebih banyak peluang kerjasama dalam bidang sains, penyelidikan dan inovasi serta meningkatkan kerjasama antara universiti di Arab Saudi dan Malaysia.

"Kementerian Pendidikan (Arab Saudi) setiap tahun menyediakan 300 biasiswa untuk pelajar Malaysia menyambung pengajian di universiti di Arab Saudi," katanya.

Duta Arab Saudi ke Malaysia, Datuk Dr Mahmoud Hussein Saed Qattan, berkata lawatan bersama kepemimpinan kedua-dua negara berkenaan mengesahkan lagi hubungan erat antara Arab Saudi dan Malaysia serta hasrat untuk mencapai kepentingan bersama.